

01/09/1997

Mempertahan kemerdekaan sebenar

KETIKA menyampaikan perutusan ulang tahun ke-40 kemerdekaan negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya memelihara dan mempertahankan kemerdekaan bagi mengelakkan penjajah menguasai semula negara ini. Nasihatnya itu berlandaskan hakikat negara ini tidak seharusnya mengulangi zaman pahit yang pernah mengongkong segala tindakan dan pemikiran. Rakyat dan negara yang dijajah, tidak boleh dianggap sebagai satu bangsa yang bebas. Mereka diibaratkan hamba di negara sendiri. Segala keputusan mengenai bangsa dan negara ditentukan oleh orang luar. Kita tidak mahu menjadi bangsa yang kerdil dan menganggap orang asing sebagai tuan, seperti yang pernah kita alami. Walaupun hari ini kita sudah merdeka, bayangan penjajahan masih berada di ambang pintu dan akan muncul semula pada bila-bila masa jika kita terus lalai.

Mesej Dr Mahathir memang memberi kesan bagi mereka yang benar-benar menghayati erti kemerdekaan, terutama mereka yang sama-sama berjuang membebaskan negara daripada belenggu penjajah. Namun bagi mereka yang lahir selepas negara ini merdeka atau lebih tepat selepas 31 Ogos 1957, kita sangsi sejauh mana penerimaan mereka terhadap nasihat yang amat besar itu. Kita anggap ini adalah satu masalah yang harus diselesaikan segera - bagaimana kita dapat memberi kefahaman seluas-luasnya terhadap erti kemerdekaan kepada generasi baru. Ini kerana apabila generasi selepas merdeka mengambil alih kepemimpinan negara kelak, mereka tidak lagi dapat menghayati erti perjuangan sebenar. Mereka adalah produk masyarakat yang tidak pernah mengenal erti keperitan hidup. Mereka adalah produk zaman moden yang lengkap dengan segala kemudahan sebaik saja dilahirkan. Tidak mustahil ramai yang mempunyai tafsiran berbeza mengenai erti kemerdekaan. Ada yang menganggap kemerdekaan hanya bererti satu perayaan yang sekadar mengingati satu detik sejarah. Mereka hanya melihat dari segi luaran, bukan dalaman. Bagi kita hanya mereka yang pernah mengalami hidup pada zaman penjajahan saja yang dapat mengenal erti kemerdekaan sebenarnya.

Namun, kita berharap setiap rakyat bukan saja menghayati mesej Dr Mahathir itu, malah mengganggapnya satu amaran supaya kita tidak dilamun mimpi indah terhadap nikmat kemerdekaan yang kita kecapai selama ini. Bagi mereka yang masih muda, kita seharusnya malu kepada diri sendiri jika selama ini kita tidak pernah menjivai erti kemerdekaan. Untuk menghargai jiwa merdeka, bukan sekadar membaca buku sejarah atau mendengar cerita daripada mereka yang berjuang. Tugas kita ialah mengisi kemerdekaan dengan menjadikan kita sebagai bangsa yang bermaruah dan disanjung tinggi.

Dr Mahathir tidak mahu bangsa dan negara kita dijajah sekali lagi. Kita tidak boleh hidup di bawah kongkongan orang luar yang hanya akan memperalatkan bangsa kita. Selepas kita mencapai satu kejayaan yang membanggakan, apakah kita mahu segala-galanya dirampas semula oleh orang lain. Kita perlu meluaskan pandangan kita dan melihat penderitaan bangsa yang masih tidak dapat membebaskan diri daripada cengkaman. Kita lihat saja apa yang berlaku di beberapa negara yang rakyatnya gagal menentukan masa depan bangsa mereka. Mereka ditekan dengan pelbagai dasar yang tidak boleh diterima masyarakat tamadun hari ini. Sumber ekonomi negara mereka dibolot dan tenaga rakyatnya diperah sedangkan hasilnya digunakan untuk kemakmuran negara kolonial. Paling sukar ialah apabila pemikiran dan tingkah laku mereka dikawal. Keadaan ini pernah dialami oleh rakyat negara ini.

Selepas 40 tahun kita merdeka, kita tidak boleh berundur lagi. Kita

harus terus maju ke hadapan untuk meningkatkan tahap kemajuan rakyat dan negara. Semua ini perlu kita lakukan kerana itulah cara paling berkesan untuk kita terus memastikan orang luar tidak mempunyai tempat menguasai negara ini. Jika kita lemah bermakna kita terpaksa meminta bantuan daripada mereka.

Dalam hari ini, tidak ada bantuan diberi secara percuma. Jika kita mundur, mereka akan berpura-pura menghulurkan bantuan tetapi mengenakan pelbagai syarat yang menyusahkan. Kita terpaksa akur dengan keputusan mereka jika kita lemah. Tetapi, jika kita setaraf atau lebih baik daripada mereka, kita boleh menyatakan `tidak' kepada mereka jika ia bertentangan dengan hasrat rakyat dan negara. Perkataan `tidak' kepada orang asing, tidak pernah diucapkan ketika kita dijajah. Selagi kita mendengar nasihat ikhlas Perdana Menteri, kita tidak akan gentar dengan sebarang tindak tanduk orang asing. Dr Mahathir sudah pun membuktikan bahawa kita adalah masyarakat yang merdeka dan mempunyai cara untuk menentukan masa depan negara ini.

(END)